

Headline	Kos umrah kian tinggi beri kesan kepada jumlah jemaah		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	19 Dec 2019	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	11	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	223 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,498
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,493



Kos umrah kian tinggi beri kesan kepada jumlah jemaah

SHAH ALAM - Peningkatan kos mengerjakan umrah dari masa ke masa dilihat turut memberi kesan kepada penurunan jumlah jemaah yang menunaikan ibadah tersebut.

Perunding Pemasaran (Bebas) Umrah, Haji dan Pelancongan, Nik Ahmad Fareez Nik Ghazali berkata, situasi itu tidak dapat dielakkan akibat pelbagai faktor seperti caj visa, kos penerbangan, kos penginapan dan kos makan minum sepanjang di tanah suci.

"Pemain industri seperti kami sudah menjangkakan situasi ini akan berlaku. Berdasarkan pengalaman sendiri tahun ini sahaja jumlah jemaah umrah alami penurunan sehingga 50 peratus.

"Jika dibandingkan daripada segi

kos pada 1990-an, kos keseluruhan hanyalah RM3,000 hingga RM3,500 sahaja berbanding sekarang yang mencecah sehingga RM8,000 dan ke atas," katanya kepada Sinar Harian baru-baru ini.

Menurutnya, kenaikan kos menunaikan umrah dan haji dianggap logik berikutan pelbagai caj yang dikenakan.

Sementara itu, salah seorang mutawif umrah yang juga perunding pelancongan 'outdoor', Azman Ibrahim berkata, kenaikan kos pakej umrah berlaku sejak sistem muassasah baharu diperkenalkan pada tahun ini.

Beliau berkata, keadaan itu menyebabkan jumlah jemaah umrah agak berkurangan berbanding tahun sebelumnya.

"Jadi tahun ini memang jemaah umrah agak berkurangan dan penjualan tiket juga

tidak begitu rancak.

"Sebenarnya kos kenaikan pakej umrah ini disebabkan beberapa faktor seperti jemaah yang menunaikan umrah secara sendiri dan ada beberapa perkara yang perlu diselesaikan terlebih dahulu seperti sewa bas, kos penginapan dan inilah yang menyebabkan kos meningkat," katanya.

Namun katanya, kos haji dengan pakej swasta di Malaysia merupakan yang paling rendah berbanding Thailand dan Singapura.

"Tetapi jika jemaah pergi melalui pakej Tabung Haji (TH) kosnya lebih murah kerana adanya subsidi yang disediakan oleh kerajaan," katanya.

Dalam masa yang sama, beliau berkata, jika dahulu kebanyakan syarikat pengendali umrah dan haji berurusan secara

langsung dengan tempat penginapan jemaah umrah tetapi sekarang perlu melalui sistem muassasah.

"Kalau dahulu pihak syarikat boleh beli dalam tempoh yang lama dan dengan jumlah yang besar jadi pihaknya boleh meletakkan harga tinggi tapi sekarang ia perlu dibeli melalui sistem.

"Dua tiga hari ini ada maklumat yang mengatakan insurans tidak diwajibkan menyebabkan banyak perkara jadi tidak menentu dan tidak jelas," katanya.

Beliau berkata, disebabkan perkara yang tidak jelas seperti inilah menyebabkan syarikat pengendali umrah dan haji terpaksa berhati-hati sehingga meletakkan satu harga yang munasabah untuk mengelakkan kerugian.